



1. JAWATAN	: PEGAWAI TANAH KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN TANAH
BAHAGIAN	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
TANGGAGAJI	: II
KEKOSONGAN	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

- a. i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Tanah atau bidang bersesuaian.
- ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Tanah sebagai Pegawai Tanah dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iv) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- b. Mempunyai pengetahuan yang baik mengenai Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan adalah kelebihan.
- c. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TANAH KANAN:

1. Mengetuai cawangan-cawangan Pejabat Tanah Daerah atau Bahagian-Bahagian dalam Pejabat Pesuruhjaya Tanah.
2. Membantu Pesuruhjaya Tanah, Timbalan Pesuruhjaya Tanah dan Penolong Pesuruhjaya Tanah dalam penyelarasan kerja-kerja pengurusan pejabat dan pentadbiran tanah bagi keseluruhan Jabatan Tanah.
3. Membantu Pesuruhjaya Tanah, Timbalan Pesuruhjaya Tanah dan Penolong Pesuruhjaya Tanah menyelaras dan melaksanakan dasar dan peraturan tanah dan penguatkuasaan Undang-Undang Tanah.